



**TATACARA PENGURUSAN SISTEM
PENGESAHAN PENGGUNA
BERASASKAN SIJIL DIGITAL @
DIGICERT**

**JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. APAKAH DIGICERT?

- Digicert adalah nama singkatan daripada Digital Certificate yang merupakan sistem pengesahan pengguna berasaskan sijil digital.
- Ianya adalah ciri-ciri tambahan yang dibangunkan di dalam Sistem UIMS-FIS yang bertujuan untuk memastikan pengesahan (*authentication*) bagi capaian (akses) ke Sistem UIMS-FIS lebih selamat dan menepati standard yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan (MOF).
- Digicert berfungsi sebagai komponen yang mengesahkan ketulenan/keaslian transaksi yang dilakukan terhadap Sistem UIMS-FIS dan memastikan individu yang telah diberi kuasa atau dipertanggungjawabkan terhadap tugas tersebut sahaja yang dibenarkan melaksanakan transaksi tersebut.

2. PELAKSANAAN

2.1 USB TOKEN DIGICERT

- Digicert telah dimasukkan ke dalam USB Token oleh pihak Digicert Sdn Bhd berdasarkan permohonan yang diterima melalui Borang Digicert seperti di **Kembaran 1**.
- USB Token tersebut berfungsi sebagai alat untuk mengakses ke Sistem UIMS-FIS.
- Gambaran USB Token adalah seperti rajah di bawah:-



USB Token (bahagian depan)



USB Token (bahagian belakang)

2.2 KAKITANGAN YANG LAYAK MENERIMA USB TOKEN

- Kakitangan yang menggunakan Sistem UIMS-FIS dalam melaksanakan tugas kewangan dan terlibat di dalam kategori berikut perlu mendapatkan akses digicert:-
 - i. Kakitangan Jabatan Bendahari
 - ii. Kakitangan PTj yang menjalankan tugas menyedia dan meluluskan pesanan belian

2.3 PROSES PERMOHONAN AKSES DIGICERT

- Proses permohonan akses digicert adalah seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Permohonan Akses/Laluan Ke Sistem UIMS-FIS (UPSI (ISO)/BEN/P11/GP01).
- Pemohon perlu melengkapkan Borang Digicert dan disertakan salinan kad pengenalan sebelum dikemukakan ke Jabatan Bendahari. Kedua-dua dokumen tersebut akan diserahkan kepada pihak Digicert Sdn Bhd untuk proses memasukkan Digital Certificate ke dalam USB Token.
- USB Token yang telah diproses akan dikembalikan oleh pihak Digicert Sdn Bhd bersama-sama kod pin.
- Kesalahan memasukkan kod pin hanya dibenarkan sebanyak lima (5) kali sahaja. Sekiranya kesalahan melebihi 5 kali, kod pin tersebut akan disekat. Pemohon diminta untuk menghubungi Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan Bendahari atau Pusat ICT.

2.4 TINDAKAN SEBELUM MENGGUNAKAN USB TOKEN DIGICERT

- Setelah menerima USB Token Digicert dan sebelum menggunakan USB tersebut, pemohon diminta untuk mengambil tindakan seperti berikut : -

- a. Memastikan perisian digicert telah *diinstall* di komputer/laptop. Rujuk **Manual Pengguna Pemasangan Perisian Digicert** seperti di **Kembaran 2**.
 - b. Memastikan perisian Java Cryptography Extension (JCE) telah *diinstall* di komputer/laptop. Rujuk **Manual Pengguna Pemasangan Perisian Java Cryptography Extension (JCE)** seperti di **Kembaran 3**.
- Setelah kedua-dua perisian di atas telah *diinstal* di komputer/laptop yang terlibat, kakitangan boleh mengakses dan menggunakan Sistem UIMS-FIS mengikut modul yang dibenarkan.
 - Sekiranya terdapat masalah semasa menginstalasi perisian tersebut, kakitangan boleh memohon bantuan daripada Penolong Teknologi Maklumat Jabatan Bendahari atau Pusat ICT.

2.5 PENGGUNAAN & PENYIMPANAN USB TOKEN DIGICERT

- USB Token Digicert yang diterima oleh kakitangan akan direkodkan di dalam Daftar Rekod Penerima USB Token.
- Kakitangan yang menerima USB Token perlu bertanggungjawab terhadapnya dengan :-
 - i. menggunakannya untuk untuk mengakses Sistem UIMS-FIS.
 - ii. hanya boleh digunakan untuk diri sendiri sahaja dan tidak boleh menyerahkan kepada individu lain.
 - iii. menyimpan selamat USB Token tersebut di dalam kabinet atau laci yang berkunci agar ianya tidak dapat diakses oleh individu lain.
 - iv. melaporkan kehilangan kepada Jabatan Bendahari UPSI dengan segera seperti Prosedur Kehilangan USB Token Digicert di Para 2.6.
 - v. mengembalikan kepada Jabatan Bendahari apabila :-

- berhenti/tamat perkhidmatan dengan UPSI
- tidak lagi menjalankan tugas-tugas kewangan
- tidak lagi termasuk di dalam kategori seperti di Para 2.2.
- ada arahan daripada Jabatan Bendahari atas sebab-sebab tertentu.

2.6 PROSEDUR KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN USB TOKEN

- Sekiranya USB token yang diterima telah hilang atau rosak, tindakan berikut perlu diambil:-
 - i. melaporkan kehilangan secara bertulis kepada Bendahari mengenai perkara tersebut dengan segera.
 - ii. Jabatan Bendahari akan membuat siasatan dan sekiranya mendapati punca kehilangan adalah atas kecuaiannya pemegang USB Token sendiri, maka bayaran penalti sebanyak RM220.00 akan dikenakan.
 - iii. Tindakan memproses permohonan USB Token yang baru/gantian adalah sama seperti di Para 2.3.

2.7 PENYELENGGARAAN USB TOKEN

- Tempoh sah laku *digital certificate* yang terdapat di dalam USB token tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan oleh pihak Digicert Sdn Bhd.
- Sebelum tempoh tamat, Jabatan Bendahari akan membuat proses pembaharuan sah laku *digital certificate* tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak Digicert Sdn Bhd.